

REMAJA MUDAH TERPENGARUH DADAH

Oleh Faez Amirul Azman, Matrikulasi Kuala Nerus, Kelah

DADAH ialah sebarang bahan kimia yang menghasilkan kesan terapeutik (menenangkan) atau bukan terapeutik dalam anggota badan seseorang. Tindak balas dadah berbeza mengikut sukatan, sama ada dos kecil ataupun besar. Jika dadah diambil secara kecil, contohnya pengambilan ubat bagi merawat kesihatan di klinik atau hospital atas pengawasan doktor, pengambilannya tidaklah membahayakan malah boleh menyembuhkan penyakit.

Kita dikejutkan dengan kematian enam orang remaja berusia 19 hingga 28 tahun yang menghadiri konsert tahun lalu. Mereka maut setelah mengambil dadah jenis perangsang yang berisiko meninggalkan kesan tenaga, tidak mengantuk atau penat.

Dadah jenis ini amat popular dalam kalangan pelajar, pemandu lori, pekerja seks, individu bermasalah berat badan dan mereka yang gemar bersosial. Dadah ini mengandungi campuran bahan kimia berbahaya dan boleh didapati dalam bentuk pil, serbuk untuk dihidu, atau larutan diambil secara suntikan.


Pengambilan dadah jenis ini memberikan kesan buruk, iaitu memaksa sistem badan bekerja lebih daripada biasa. Jantung akan berdenyut lebih laju, otak bekerja lebih pantas, suhu badan meningkat, dan pernafasan turun naik lebih laju. Kebanyakan remaja terjebak mencuba sesuatu yang baharu,

didedahkan oleh maklumat yang salah dengan menyatakan dadah jenis ini tidak berbahaya dan tiada kesan sampingan pada tubuh badan.

Remaja pula golongan yang mudah terpedaya, terutama desakan rakan sebaya. Mereka berpendapat pengambilan dadah mampu menghindarkan stres atau bebanan pelajaran bagi mencapai kelegaan atau ketenangan yang sementara, biarpun bahan terlarang itulah bakal memusnahkan masa depan remaja tersebut.

Menurut laporan media, terdapat sindiket dadah sengaja menyusup masuk bagi pengedaran dadah di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Mengikut statistik, 72 peratus penagih dadah berusia 19 hingga 39 tahun di negara kita. Beliau ialah aset negara yang bakal menerajui kepemimpinan negara. Banyak usaha bagi membanteras penyalahgunaan dadah telah dibuat daripada peringkat akar umbi sehingga peringkat nasional untuk mencapai negara bebas dadah pada tahun 2015, tetapi adakah wawasan ini mampu dicapai?

Para remaja pula perlulah mempunyai jati diri yang tinggi dan motivasi yang kuat untuk berjaya dalam hidup. Mereka harus menggilap potensi diri dan bakat untuk menjadi generasi muda yang berguna kepada keluarga, masyarakat bangsa dan negara. Ingatlah dadah ialah perosak dan racun kepada kemusnahan diri sendiri.



Drug - General

Ps : 36

Control No: 0000274463

file name: nia/drug/2015/2015 A 01.pdf